



IDRIS menerima cenderahati daripada pihak Hatten.



IDRIS memotong reben sebagai simbolik perasmian Satori.

Satori Sanctuary In The City

Konsep pelancongan perubatan & kesihatan

Oleh LIANA SAHABUDIN

BANDA HILIR 23 Julai - Satori Sanctuary In The City berteraskan sektor pelancongan kesihatan dan perubatan bakal meningkatkan kedatangan pelancong ke Melaka, sekali gus menyumbang kepada pendapat kasar kerajaan negeri.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron berkata, Satori yang melelan belanja RM300,000 bakal mengetengahkan konsep pelancongan kesihatan bagi pelancong-pelancong yang berminat mendapatkan khidmat tersebut.

Menurutnya, berdasarkan kajian, bilangan pelancong yang datang ke Melaka bagi tujuan kesihatan adalah antara kom-

ponen terbesar yang memasuki antara 13 sub sektor pelancongan di negeri ini.

"Hari ini pembinaan Satori berkonsepkan pelancongan kesihatan, ia secara automatik akan menarik pelancong ke negeri ini untuk mendapatkan khidmat tersebut yang bertaraf dunia.

"Pihak Hatten tidak salah memilih konsep ini kerana ia sudah pasti menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Satori Sanctuary In The City di Hatten ICON Gallery Hatten Square di sini, Jumaat lalu.

Idris memberitahu, Malaysia merekodkan se-

ramai 1.4 juta pelancong yang dikategorikan sebagai pelancongan kesihatan dan perubatan.

"Jika kita dapat 10 peratus dari jumlah tersebut, bermakna kita sudah ada 40,000 pelancong perubatan yang datang ke Melaka dan ia adalah jumlah yang cukup besar.

"Seperti sedia maklum, kita menerima pelancong Indonesia dan sebagainya kira-kira 160,000 orang setahun yang menerima perkhidmatan perubatan danamakan kesihatan di Negeri Kelantan.

"Jadi dengan terbinanya Satori ini, sudah pasti ia memberi ruang lebih besar untuk kedatangan pelancong dari pelbagai negeri dan negara ke



COLIN (kanan) menerangkan kepada Idris mengenai Satori.

Melaka," katanya.

Satori bakal menawarkan 192 unit kediaman penduduk, 336 unit penginapan dan pusat ke-

sihatan melibatkan lebih 50 kemudahan berkelas dunia dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan Hatten Land Ltd., Datuk Colin Tan dan lain-lain kenamaan.



SEBAHAGIAN tetamu yang hadir pada perasmian Satori Sanctuary In The City di Hatten ICON Gallery Hatten Square, Jumaat lalu.



IDRIS melihat bangunan Satori yang bakal siap tahun 2020.